

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

7. Apakah Belanjawan 2020 akan dikaji semula akibat impak COVID-19?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Ya, Jabatan Kewangan Negeri telah mendapat mandat daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak dan meneliti semula belanjawan 2020 agar peruntukan yang mencukupi dapat disediakan bagi menangani impak penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, program dan projek yang dirancang pada tahun 2020 telah diteliti dan dikaji semula agar keutamaan penyediaan peruntukan diberikan bagi pelaksanaan pelbagai insentif/bantuan untuk menangani wabak COVID-19.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti penjimatan peruntukan daripada projek/program yang telah ditangguhkan atau dibatalkan berikutan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bagi menampung pelbagai insentif/bantuan ini.